

conference proceeding



**SIMPOSIUM
NU SANTARA 9**

THE 9TH REGIONAL SYMPOSIUM OF THE MALAY ARCHIPELAGO
Revisit Islamic Civilization and Built Environment In The Malay World

11 & 12 December 2012
Al-Khawarizmi Lecture Hall
UiTM(Perak)

Centre for Knowledge & Understanding of Tropical Architecture & Interior (KUTAI)
Centre for Islamic Thought & Understanding (CITU)
Faculty of Architecture, Planning & Surveying (FSPU)
Universiti Teknologi MARA (Perak)
<http://perak.uitm.edu.my/simpor9>



FSPU

MANHAJ PENDIDIKAN MENURUT BADIUZZAMAN SAID NURSI DALAM RISALAH AL-NUR

Mohd Nasir Ayub,^aMuhammad Azizan Sabjan,^b Abdul Rasyid Ramli,^c Mohd Marbawi Taha,^d Surita Hartini Mat Hassan,^e

^a Pusat Pemikiran Dan Kefahaman Islam , Universiti Teknologi MARA (Kedah), Malaysia

^b Bahagian Falsafah Dan Tamadun, Universiti Sains Malaysia, Malaysia

^c Pusat Pengajian Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (Kedah)

^d Pusat Pemikiran Dan Kefahaman Islam, Universiti Teknologi MARA (Pulau Pinang), Malaysia

^e Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam, ISDEV, USM

m纳斯ir251@kedah.uitm.edu.my, mazizan@usm.my, arasyidr@kedah.uitm.edu.my

Abstrak

Aspek Pendidikan amat ditekankan dalam ajaran Islam. Pendidikan yang berkualiti menurut kaca mata Islam akan membentuk sahsiah Muslim yang beriman serta cemerlang dunia dan akhirat. Namun, apakah amalan pendidikan umat Islam menepati ciri-ciri amalan pendidikan yang disarankan dalam Islam? Kertas kerja ini berhasrat mencungkil idea-idea pendidikan tokoh pemikir besar Turki Badiuzzaman Said Nursi yang dianggap pelopor di zamannya yang menemukan ilmu agama dan ilmu sains dalam kerangka yang satu. Kajian ini adalah kajian kepustakaan dan analisisnya pula berdasarkan kaedah analisis kandungan. Manakala sumber utama yang menjadi rujukan pemikiran Said Nursi dalam kajian ini ialah kitab Risalah al-Nur. Kajian ini memberi input yang amat berguna dalam menemukan kaedah dan asas pendidikan yang sebenar seperti mana yang dianjurkan dalam Islam. Oleh itu, kajian ini akan menjawab beberapa kekeliruan tentang manhaj pendidikan, sumber, skop, matlamat serta idea pembaharuan dalam pendidikan melalui idea-idea yang dikemukakan oleh Said Nursi. Kajian ini mendapati bahawa idea pendidikan Said Nursi amat selari dengan tuntutan Islam dan ia memenuhi keperluan yang terdesak umat Islam pada zaman itu (iaitu penjajahan Barat). Maka penggabungan ilmu sains dan ilmu agama serta kaedah pembelajaran yang efektif telah membangkitkan celik ilmu yang tinggi di kalangan masyarakat Islam bagi menandingi sains dan teknologi yang dipelopori oleh penjajah Barat.

Kata kunci: manhaj, pendidikan, badiuzzaman said nursi, risalah al-nur

1. Pendahuluan

Badiuzzaman Said Nursi merupakan sebahagian daripada kelompok insan yang hidupnya hanyalah untuk membangun kembali kegemilangan Islam dan umat Islam. Peristiwa pahit umat Islam iaitu kejatuhan Khalifah Uthmaniyyah pada tahun 1924 adalah punca membawa kepada situasi parah umat Islam seluruhnya. Perlantikan Mustafa Kamal al-Tarturk menambahkan lagi parah umat Islam apabila agama Islam mula dihina manakala syiar-syiar Islam pula diharamkan daripada diamalkan oleh umat Islam di Turki. Kesengsaraan ini bukan sahaja di Turki bahkan seluruh dunia Islam merasai tempias kejatuhan kerajaan Islam tersebut. Barat dan kuasa Kolonial mula menjajah setiap inci negara umat Islam. Fahaman sekular diterapkan dalam jiwa umat Islam, maka berlakulah pemisahan antara urusan dunia dengan urusan agama. Kecelaruan makin terasa apabila ada di kalangan umat Islam sendiri yang terpengaruh dengan ideologi yang melumpuhkan jihad dan kesatuan umat Islam. Urusan ekonomi, sosial, pendidikan dan sebagainya cuba diasingkan daripada ruh agama yang selama ini diamalkan oleh umat Islam.

Nursi bangkit mempertahankan jiwa dan pemikiran umat Islam di Turki khususnya daripada terus hanyut ditelan arus modenisasi songsang yang dibawa masuk oleh rejim pemerintah. Menurut Nursi, senjata ampuh untuk menaikkan kembali umat Islam dan ketamadunan Islam ialah dengan menaikkan kembali sistem pendidikan yang lebih sistematik dan menyeluruh. Dengan maksud, satu reformasi terhadap sistem pendidikan yang lebih terancang, komprehensif serta lebih kontemporari perlu dibina sejarah dengan keperluan ummah serta tuntutan zaman yang begitu mendesak pada masa itu.

2. Biografi Ringkas Badiuzzaman Said Nursi

Badiuzzaman Said Nursi dilahirkan pada tahun 1877M¹ (Sukran Vahide, 1992: 3, Sarwat Saulat, 1981: 7, Ian S. Markham & Suendam Brinci, 2011: 3, al-Salihi, 2003: 8, Mohamad Zaidin Mat, 2001: 7) di perkampungan Nurs yang terletak di daerah Khizan. Khizan pula berada di wilayah Bitlis. Bitlis merupakan satu wilayah di Timur Turki (Eastern Turkey). Nursi adalah gelaran kepada Said Nursi yang mengambil nama sempena nama kampungnya Nurs. Manakala nama sebenarnya ialah “Said” (S. Waheda: 3).

Nursi dibesarkan dalam sebuah keluarga berbangsa Kurdis yang hidup dengan penuh kesederhanaan dan kasih sayang. Ayahnya bernama Mirza bin Ali bin Khidir bin Mirza Khalid bin Mirza Rasyad (al-Mullazkirdi, 1983: 49) berkerja sebagai petani dan kuat berpegang dengan amalan sufi. Orang ramai menggelarkannya sebagai sufi disebabkan juga perwatakannya yang warak, ilmunya yang banyak dan juga banyak beribadat (Abdul Latip, 2012: 9). Ibunya bernama Nuriyyah binti Mulla Tahir merupakan wanita yang taat kepada perintah Allah. Dikatakan bahawa Mirza dan Nuriyyah mempunyai silsilah *Ahli Bayt*. Mendapat asuhan yang begitu teliti oleh kedua ibu bapanya sedikit sebanyak telah mempengaruhi pembentukan fizikal dan mental Nursi. Dengan kepintaran yang dimiliki, Nursi dapat menghafaz al-Quran dengan baik pada umur 12 tahun (Afriantoni, 2007: 70) Kekuatan akal Nursi terserlah apabila mampu menimbulkan persoalan-persoalan yang hanya difikirkan oleh mereka yang dewasa sahaja.

Nursi mendapat didikan awal daripada keluarganya sendiri. Beliau mempelajari al-Quran dengan ayahnya Mirza serta abangnya Abdullah Nursi seawal umur 9 tahun. Pengajian juga terbantut disebabkan kesibukan Abdullah yang juga menghadiri pengajian di madrasah² bersebelahan perkampungan Nursi. Sebenarnya perkampungan Nursi tidak mempunyai madrasah agama (C. Tuner & Hasan Horkuk, 2009: 8-9, al-Salihi: 5). Pelajar-pelajar terpaksa berpindah dari madrasah ke satu madrasah yang lain untuk mencari tempat pengajian yang sesuai dan terbaik.

Nursi banyak menimba ilmu daripada syekh-syekh terkemuka di Timur Turki. Antaranya ialah syekh Muhammad Nur, syekh Abdul Rahman Tagh dan syekh Fahim. Beliau juga berguru dengan syekh Amin Afandi, Mulla Fathullah dan syekh Fathullah Afandi sehingga menamatkan pengajian agamanya dengan syekh Muhammad Kufrawi (S. Vahide: 23). Setelah menilai kehebatan dan tahap penguasaan ilmu yang amat baik, maka syekh Muhammad al-Jalali pun bersetuju menganugerahkan *ijazah*³ kepada beliau dengan gelaran “Mulla Said” (S. Vahide: 11). Gelaran “Mulla” meletakan seseorang itu boleh membuka pusat pengajian atau sekolah persendirian bagi sesiapa yang ingin belajar. Pada masa itu Nursi berumur sekitar 14 atau 15 tahun sahaja (Ian S. Markham: 8).

Pada tahun 1987, Nursi dijemput ke Van oleh Hassan Pasha iaitu gebenor Van pada masa itu di atas kapasitinya sebagai ulama muda yang berpengaruh. Nursi berpeluang memberi khidmat kepada masyarakat di Van serta menyelesaikan banyak isu-isu berkaitan perbalahan suku-suku puak, menyampaikan idea perubahan, membantu menegakkan kedaulatan kerajaan Turki di kawasan-kawasan tersebut. Setelah Hassan Pasha meninggal dunia dan digantikan dengan Tahir Pasha, peluang Nursi untuk menimba ilmu sains moden. Tahir Pasha amat terkenal dengan sifatnya yang mencintai ilmu dan golongan ulama. Beliau juga memiliki sebuah perpustakaan khas di rumahnya. Beliau menjemput Nursi untuk tinggal bersamanya dan memberi peluang untuk Nursi mendalami ilmu sains moden. Banyak pendedahan yang diperolehi oleh Nursi samasa tinggal bersama dengan Tahir Pasha. Nursi sempat membaca akhbar dan jurnal-jurnal yang berada di pejabat gebenor itu tadi. Nursi mengamati pelbagai isu-isu seperti isu perbatasan negara serta mengetahui permasalahan berkaitan hal ehwal kerajaan Turki Uthmaniyyah. Beliau merumuskan bahawa jalan penyelesaian terhadap isu tersebut ialah dengan mempelajari ilmu sains moden. Dengan itu, kemudahan perpustakaan yang ada di rumah Tahir Pasha itu digunakan sepenuhnya untuk mendalami ilmu sains moden termasuklah ilmu sejarah, geografi, matematik, geologi, fizik, kimia, astronomi dan juga falsafah (S. Vahide: 24). Disebabkan kekuatan ingatannya yang luar biasa, beliau dapat menghafaz dan menguasai hampir 80 hingga 90 buah buku pelbagai bidang dalam masa yang singkat dan pernah menulis sebuah buku berkaitan aljebra tetapi buku tersebut telah musnah dalam satu kebakaran di Van (Sarwat Saulat: 9, Wan Jafree: 8).

Melihat kepada keupayaan Nursi yang menguasai pelbagai disiplin ilmu termasuklah dapat mengadunkan ilmu agama dan ilmu sains moden dalam metodologi pengajaran yang baik serta sesi perdebatannya yang

¹ Para pengkaji berbeza pendapat tentang tarikh kelahiran Nursi. Ian S. Markham & Suendam Birinci dalam bukunya menyebut tahun 1878, Sukran Vahide dalam bukunya menyatakan pada 1877, Ihsan Qasim al-Salihi merekodkan 1876, manakala Sarwat Saulat menyebut tarikh kelahiran Nursi ialah pada tahun 1873. Tarikh yang disepakati pengkaji ialah 1877 bersamaan 1293 H. Ini merujuk kepada penggunaan kalender Rom oleh kerajaan Uthmaniyyah pada masa itu. Oleh sebab itu juga kebanyakan penulis menggunakan tahun 1877.

² Madrasah juga disebut *madrasa* atau *medrese* yang bermaksud tempat belajar dan menuntut ilmu. Madrasah juga dinisbahkan kepada kelompok ahli falsafah, ahli fikir, mazhab-mazhab tertentu dan sebagainya (Mu'jam al-Wasit, 1972: 280). Selain itu, ia juga merupakan pusat pengajian tinggi terbuka bagi pelajar yang telah menghabiskan peringkat menengah “*kuttab*” serta hafaz al-Quran. Di ajar pelbagai ilmu seperti Quran dan hadis, mantik, bahasa arab, juga ilmu moden seperti sains, matematik, perubatan dan sebagainya. Berkembang pesat abad ke 11 M. sama ada dalam bentuk prasarana material seperti bentuk bangunan, begitu juga perkembangan dari segi perkhidmatan yang ditawarkan seperti guru yang terbaik, silih dan sebagainya (Ian R. Netton, 2008: 371-372).

³ Ijazah bermaksud keizinan dan kelulusan (*license*). Contohnya ijazah oleh ahli hadis (*al-Muhaddithin*) ialah dengan keizinan untuk meriwayatkan hadis sama ada secara lafadz atau kitab (*al-Munjid*, 2005: 109-110).

mengagumkan, maka ulama-ulama dan masyarakat pada masa itu mengiktiraf keilmuan Nursi dan menggelarkan beliau sebagai *Bediuzzaman*⁴ Said Nursi yang bermaksud *Said Nursi Bintang Zaman* atau *The Wonder of The Age* (C. Tuner: 11, Hasan Horkuk: 105).

Bermula dengan perjalanan yang panjang menuntut ilmu serta pelbagai ujian yang ditempuhi sehingga alih kejayaannya menguasai ilmu agama dan ilmu sains moden, Nursi menempatkan dirinya sebaris dengan pemikir dunia Islam yang lain seperti syekh Ahmad Sirhindi di India dan syekh Muhammad Abdurrahman di Mesir.

Setelah seluruh jiwa dan raganya diserahkan untuk mempertahankan dan mengembalikan maruah umat Islam serta menanam tunjang iman yang kukuh di hati umat Islam. Nursi amat berpuas hati dengan usaha keras beliau dan murid-muridnya yang akhirnya Risalah al-Nur dicetak di seluruh Turki dan dibaca tanpa prasangka oleh pemerintah berbanding sebelumnya. Tidak berapa lama selepas itu, pada umur 83 tahun bertepatan jam 3 pagi, hari rabu, 23 Mac 1960 bersamaan 25 Ramadhan 1379H., Badiuzzaman Said Nursi telah kembali menemui Allah SWT di alam baqa' (Abdul Latip: 434).

3. Manhaj Pendidikan Menurut Nursi

Manhaj menjadi perbahasan utama dalam membincangkan berkaitan pendidikan. Ia menjadi inti terhadap amalan pendidikan itu sendiri serta asas dalam melaksanakannya. Manhaj umpsama suatu alat untuk menyampaikan sesuatu kepada masyarakat melalui pelajar untuk mencapai sesuatu tujuan dan misi. Manakala amalan pendidikan adalah suatu proses pengosongan dan pengisian hati dan jiwa (*al-takhalli wa al-tahalli*) yang bermaksud membuang segala keburukan, keaiban, kecacatan yang ada dalam hati dan jiwa serta dalam masa yang sama mengisinya dengan akhlak yang baik dan terpuji. Imi kerana, seseorang pendidik hendaklah terlebih dahulu memahami dan mengaplikasinya sebelum mendidik atau mengajak orang lain untuk melaksanakan sesuatu kebaikan (Muhammad Qandil, 2011: 1).

Risalah al-Nur dianggap sebagai sebahagian daripada risalah-risalah pendidikan umat Islam. Di dalamnya terdapat banyak aspek-aspek pendidikan yang diketengahkan oleh Nursi seperti kesungguhan Nursi dalam mendidik nafsu, saranan menguatkan keimanan, mengingatkan manusia kepada Allah SWT, peringatan hari akhirat dan sebagainya. Manakala perbincangan peringkat pendidikan dalam Risalah al-Nur amat luas sekali. Muhammad Qandil dalam tinjauannya telah membahagikan peringkat pendidikan Nursi kepada beberapa bahagian, antaranya: (Qandil: 2).

a) Pendidikan peringkat individu

Pendidikan pada peringkat individu adalah asas untuk membentuk warga Muslim sejati. Pada peringkat ini, pengisian yang menjurus kepada makrifah dan doa adalah amat penting. Imi kerana, segala sesuatu itu bermula dengan ilmu yang berkait rapat dengan makrifah mengikut perkara dan persediaan. Asas kepada ruh, nur dan ilmu hakikat ialah makrifah Allah, manakala asas kepada makrifah Allah ialah iman kepadaNya (Nursi, 2011, al-Kalimat: 352). Oleh itu, menegakkan asas ilmu dalam diri Muslim sebenarnya akan mengangkat martabat insan untuk mengenal Allah.

Dalam sejarah gerakan Nursi, *tullab nur* juga menjalani proses ilmu dan iman dengan matlamat agar perjuangannya untuk Allah SWT serta kesejahteraan dalam kehidupan sehari-hari. Apabila jiwa terjaga dengan didikan al-Quran dan dilindungi oleh hakikat Risalah al-Nur, maka akan membentuk jiwa pemuda yang hebat, insan sempurna, Muslim sebenar serta menjadi raja kepada seluruh makhluk (Nursi, al-Syu'a at, 2009: 489). Begitu juga dengan anggota badan yang lain, menjaga lidah dari kata-kata bohong, dusta dan melalaikan serta mengisinya dengan bacaan al-Quran, zikir-zikir, istighfar, selawat dan sebagainya. Menjaga mata dari melihat perkara-perkara yang haram, menjaga telinga dari mendengar kata-kata *lagha* dan melalaikan sehingga sampai kepada martabat mukmin hakiki dan muslim sebenar yakni menjadi mencapai hakikat iman dan Islam. Akhirnya menjadi hamba yang ikhlas di sisi Allah SWT (Nursi, al-Maktubat: 563).

Pembangunan individu termasuk juga aspek nafsu insan itu sendiri. Nafsu perlu di kawal dari mengeluarkan sifat-sifat kecintaan kepadanya yang melampaui batas dengan mengorbankan segala sesuatu demi untuk memenuhi keinginan nafsu serta memujinya dengan pujian yang tidak selayaknya kecuali pujian kepada Allah SWT (Nursi, al-Maktubat, 2011: 565). Hal ini menyamai firman Allah yang berbunyi:

⁴ Gelaran “Bediuzzaman” kepada Said Nursi adalah yang ke 2 dalam sejarah ketokohan Islam selepas “Bediuzzaman” al-Hamdhani (968 H.-1008 H.). Beliau di lahirkan di Hamdhani manakala meninggal dunia di Herat dan merupakan penulis di zaman kerajaan Abbasiyah. Karyanya yang masyhur banyak berbentuk “maqamat”. Konsep maqamat dikembangkan lagi oleh al-Hariri dan tokoh-tokoh abad ke seterusnya dalam memperkuatkan lagi kesusateraan arab sehingga ke zaman moden ini (Ian R. Netton: 202).

Maksudnya: “*Nampakkah (wahai Muhammad) keburukan keadaan orang yang menjadikan hawa nafsunya: Tuhan yang dipuja lagi ditaati? maka dapatkah engkau menjadi pengawas yang menjaganya jangan sesat?*” (surah al-Furqan: 45)

b) Pendidikan peringkat rumah

Rumah adalah tempat yang sesuai untuk mendidik anak-anak dalam membentuk keluarga yang solehah. Melalui Risalah al-Nur, Nursi cuba menyampaikan kefahaman Islam dalam membina persekitaran rumah setiap warga Muslim. Pendidikan peringkat rumah bukan sahaja dengan anak-anak bahkan dengan seluruh ahli keluarga. Sekiranya berseorangan di rumah, jemputlah jiran untuk mempelajari dan mendengar Risalah al-Nur pada waktu-waktu yang dikhususkan. Berusahalah menyibukkan diri untuk bersama dengan Risalah al-Nur walaupun sekadar 10 minit, nescaya akan diberi ganjaran seperti orang yang mempelajari ilmu hakiki (Nursi, al-Malahiq, 2010: 347). Hubungan suami isteri dan kaum kerabat hendaklah berada dalam keadaan yang sejahtera. Menurut Nursi, ikatan yang baik di dunia akan kekal menjadi suatu ikatan yang baik hingga akhirat nanti. Tidak akan wujud kebahagiaan dalam keluarga kecuali dengan saling hormat-menghormati dan janji setia yang ikhlas dikalangan ahlinya. Manakala kasih sayang dan rahmat yang sebenar akan membawa kepada pengorbanan dan kebertanggungjawaban yang tinggi dalam sesebuah keluarga. Semua ini tidak akan terhasil kecuali ikatan yang ikhlas bersandarkan keimanan kepada Allah SWT (Nursi, al-Syu'a'at, 2009: 216).

Rumah menjadi asas pertama untuk membentuk masyarakat. Apabila di rumah menjadi baik, maka masyarakat pun akan menjadi baik dan begitulah sebaliknya. Nursi menyarankan agar rumah dijadikan nur-nur kecil yang diisi engan ilmu dan makrifah agar anak-anak akan terdidik dengan iman. Untuk mengelak dari kekesalan di akhirat nanti, maka para ibu bapa hendaklah mempersiapkan anak-anak dengan didikan keimanan dan mengelak dari hanya mendidik anak-anak dengan cara didikan eropah semata-mata (Qandil: 4).

Untuk itu, pembentukan keluarga Muslim boleh juga dilaksanakan dengan beberapa cara, antaranya ialah dengan menanam fikrah Islam yang jelas kepada seluruh ahli keluarga, saling menjaga adab dan etika Islam dalam memenuhi keperluan rumah. Di samping itu, isteri hendaklah berusaha sedaya upaya untuk menunaikan hak dan tanggungjawabnya di rumah dengan sebaik mungkin (Qandil: 4).

c) Pendidikan peringkat organisasi (jama'ah)

Menurut Nursi, zaman ini adalah zaman berorganisasi atau berjama'ah dan bukan zaman bersendirian dan mementingkan diri. Hidup dalam berjama'ah adalah lebih tersusun dan membawa kesan yang besar dalam suasana bermasyarakat dan bernegara (Nursi, al-Malahiq, 2010: 148). Manakala organisasi yang dimaksudkan di sini ialah organisasi *tullab nur* itu sendiri. *Tullab nur* adalah *madrasah nuriyah* dan dalam masa yang sama sebagai *mu'assasah* atau yayasan pengajian. Setiap isi kandungan Risalah al-Nur di bincang dan diajarkan di *madrasah al-nur*. *Tullab nur* juga merupakan *tullab al-'ulum* yang menjadikan aktiviti harian mereka sebagai ibadat serta untuk mendapat ganjaran pahala di sisi Allah SWT seperti juga penuntut-penuntut ilmu yang lain (Nursi, al-Malahiq, 2010: 347).

Nursi berjaya meningkatkan keimanan dan membentuk sahsiah *tullab nur* ke arah memiliki disiplin yang tinggi. Perselisihan pendapat memang berlaku namun ia berlaku secara sihat dan positif yang bertujuan menyempurnakan segala kekurangan dan juga menampilkan sebarang penambahbaikan yang terbaik serta menjauhi perdebatan yang merugikan dan permusuhan. Ini bermakna, hadis nabi SAW yang bermaksud “*Perselisihan umatku adalah suatu rahmat*” (riwayat Muslim) telah dihuraikan oleh Nursi sebagai perselisihan yang positif lagi membina (*al-ikhtilaf fi al-ijab al-bina*)” dan bukannya pertengkar dan perselisihan yang melemahkan lagi proses pembinaan yang positif itu tadi (Nursi, al-Maktubat, 2011: 326). Nursi dapat mendidik jiwa ahli *tullab nur* agar tidak tidak menyombong diri dan salah sangka. Tidak mungkin berlaku keamanan dalam sesebuah masyarakat kecuali dengan memelihara keseimbangan antara 2 kelompok masyarakat iaitu golongan awam dan *khawwas* (golongan yang memiliki kelebihan tertentu) seperti golongan miskin dan kaya. Dengan kata lain, Nursi menyarankan agar si kaya menyayangi si miskin, manakala si miskin pula hendaklah menghormati si kaya (Nursi, al-Kalimat, 2011: 466). Amalan ini akan menghindari keduanya dari salah sangka, dengki, dosa atau berlakunya penindasan kepada golongan miskin seperti amalan pasaran modal dalam sistem komunis yang dilakukan oleh kerajaan Rusia terhadap rakyatnya. Untuk mengelak berlakunya penindasan yang berterusan terhadap golongan miskin terutamanya, Islam memfardukan ibadat zakat. Ibadat zakat bukan untuk kepentingan individu atau kelompok tertentu sahaja, bahkan ia menjadi asas yang penting untuk membina kebahagiaan manusia seluruhnya. Apabila ibadat zakat ditunaikan untuk fi sabilillah, maka akan diberikan ganjaran pahala yang amat besar serta doa-doa dan syukur yang tulus daripada menerima zakat tersebut (Nursi, al-Maktubat, 2011: 334-335).

Nursi juga berjaya membawa jemaah *madrasah nuriyah* ke tahap yang lebih baik dengan membina ikatan persaudaraan yang kukuh dan tololong-menolong di jalan kebenaran. Jemaah ini amat mengambil berat tentang perkara-perkara usul berbanding perkara-perkara cabang (*furu'*) dalam Islam, menjauhi perkara yang menjadi perselisihan ramai (*al-ikhtilaf*) serta beralih kepada perkara yang menjadi persepakatan ramai (*al-ittifaq*). Dalam situasi yang lain, Nursi sebenarnya berjaya berdakwah secara individu sekaligus mendidik masyarakat awam. Melalui pendidikan Rasail Nur ini, semua aspek dan semua pihak akan tersentuh (Qandil: 7).

d) Skop dan amalan pendidikan

Pendidikan boleh dibahagikan kepada 2 jenis iaitu pendidikan yang mengarah kepada kebaikan dan pendidikan yang membawa kepada keburukan. Dengan maksud, pendidikan yang digerakkan oleh al-Quran dan pendidikan yang diasaskan oleh hikmah falsafah. Matlamat pendidikan menurut Nursi akan menzahirkan matlamat ajaran Islam secara umum iaitu untuk melahirkan insan yang berakhhlak mulia berlandaskan hikmah al-Quran. Manakala pendidikan al-Quran bertujuan untuk mencapai kebaikan-kebaikan yang menyeluruh dan bukannya untuk mencapai beberapa manfaat yang sementara sifatnya seperti manfaat yang hanya dinikmati kelompok tertentu atau pun hanya untuk memenuhi faham kebangsaan yang sempit (Nursi, al-Kalimat, 2011: 142-143).

Secara praktiknya, mendidik manusia perlukan kepada ilmu dan juga pengalaman. Kemahiran berinteraksi dengan pelbagai ragam manusia sebenarnya dapat memberi kesan yang mendalam terhadap audien. Begitu juga kebijaksanaan dalam menyampaikan ilmu berdasarkan jenis audien di hadapannya sama ada orang awam, para intelektual, ulama-ulama hingga kepada suku kaum Kurdi yang terpencil di Timur Turki. Nursi menggunakan gaya bahasa dan uslub yang sesuai dengan mereka sama ada menggunakan hujah falsafah, apatah lagi kemantapannya menggunakan hujah agama, kata-kata yang lunak, hikmah yang tinggi, memberi kesan yang dapat menyentuh perasaan dan nurani orang ramai (Nursi, Saq al-Islam, 2010: 357).

Amat jarang mendapati seorang pendidik turun ke medan jihad serta mahir menggunakan senjata, dalam masa yang sama mengarang kitab tafsir al-Quran di medan jihad. Namun Nursi dengan sifat murabi yang unggul telah mempraktikkan sifat jihad ini. Semasa tercetusnya Perang Dunia Pertama, Nursi dilantik sebagai ketua pasukan sukarelawan untuk mempertahankan Bitlis dari serangan tentera Rusia dan Armenia sehingga beliau ditawan oleh tentera musuh. Kitab *Isyarat al-Ijaz fi Mazan al-Ijaz* dikarang semasa mempertahankan Van dalam perang tersebut. Dua bulan sebelum tercetusnya perang, Nursi menjadikan sekolah⁵ kelolaannya sebagai kem latihan tentera dan mengajarkan muridnya agar mahir menggunakan senjata Mauzer (Nursi, al-Syu'a'at, 2009: 506 dan 531).

Nursi melihat bahawa gabungan antara ilmu dan iman dapat membentuk sahsiah pendidik yang berkualiti. Begitu juga dengan memaksimumkan penggunaan akal bagi merungkai segala ilmu yang ada di alam ini sebenarnya dapat menambahkan lagi keyakinan kepada Allah. Dalam hal ini, Allah SWT berfirman:

Maksudnya: “Dan juga supaya orang-orang yang beroleh ilmu mengetahui bahawa ayat-ayat keterangan itu benar dari Tuhanmu, lalu mereka beriman kepadaNya, sehingga tunduk taatlah hati mereka mematuhiNya; dan sesungguhnya Allah sentiasa memimpin orang-orang yang beriman ke jalan yang lurus”. (surah al-Hajj: 54)

Oleh itu, ilmu dan iman hendaklah berjalan seiring. Iman akan mengukuhkan tauhid dan tauhid yang tulin akan membawa kepada penyerahan hamba kepada Allah SWT. Manakala melalui penyerahan ini akan membentuk tawakal kepadaNya. Seterusnya tawakal akan memudahkan jalan hamba menuju kebahagiaan dunia dan akhirat (Qandil: 9).

Apabila berhadapan dengan anak-anak, Nursi menilainya berdasarkan kepada tahap kecerdikan anak-anak tersebut sehingga apa yang diperkatakan itu dapat difahami oleh mereka. Anak-anak perlu kepada metod pujiutan yang manis dan mengelak dari menyebut hal-hal yang tidak digemarinya seperti berkaitan kematian, keperitan, kesakitan dan sebagainya. Menurut amalan Nursi, beliau memperumpamakan anak-anak kecil yang meninggal dunia seperti burung-burung di syurga yang terbang ria dan hidupnya bebas ke mana-mana dalam syurga yang dikehendakinya (Nursi, al-Syu'a'at, 2009: 215).

Dalam amalan pendidikan Nursi, beliau cuba membuat penghususan dalam melaksanakan kerja. Pembahagian kerja ini dilakukan dengan teliti sekali berdasarkan kemahiran dan keupayaan murid tersebut. Sepanjang pengalaman madrasah al-nur, Nursi hanya mentaklifkan muridnya Zubair dalam urusan kemasyarakatan dan melaporkan isu-isu terkini di dada-dada akhbar kepadanya, manakala Sunghur ditaklifkan untuk menguruskan

⁵ Sekolah kelolaannya diberi nama Sekolah KhurKhur. Namun sekolah itu musnah dibakar oleh tentera musuh dalam Perang Dunia tersebut.

isu-isu negara. Adapun pengajaran umum di masjid akan diserahkan kepada anak muridnya yang berkelayakan (Qandil: 10).

Nursi menggalakkan muridnya turut serta dalam gerakan positif (*harakah al-Ijabiyah*) bagi memastikan wujudnya keamanan dalam negara, bahkan menganggap segala kekejadian dan kezaliman yang dilakukan oleh pihak pemerintah terhadap gerakan Rasail Nur hendaklah menerima dengan reda dan sabar, sebagaimana amalan Nabi-Nabi a.s. dan Sahabat r.a terdahulu (Nursi, al-Malahiq, 2010: 384). Antara usaha murni tersebut ialah menggerakkan corak berfikir dan bermasyarakat berpandukan Rasail Nur. Nursi menolak dari mengambil sikap permusuhan dengan pemerintah. Ini kerana, jihad yang berlandaskan kepada Rasail Nur bersenjatakan ilmu dan seni. Maka jihad ini adalah sesuai untuk melawan kejahilan dan kefakiran yang wujud dalam masyarakat Turki khususnya (Qandil: 11).

Amalan pendidikan secara praktiknya hendaklah memenuhi tuntutan zaman dan persekitaran semasa. Pendidikan tidak seharusnya membicarakan isu yang tidak bersesuaian untuk di ketengahkan kepada masyarakat. Bagi Nursi, untuk sampai kepada hakikat kebenaran, boleh juga dicapai melalui pelbagai cara dan jalan dan sememangnya ia amat dituntut. Maka perselisihan pandangan dan kepelbagaian cara mencapai hakikat kebenaran itu yang mana diransang dengan kepentingan peribadi, nafsu syahwat, kemasyhuran, untuk dilihat orang dan sebagainya, maka sesungguhnya ia akan membawa fitnah yang lebih dahsyat (Nursi, al-Maktubat, 2011: 327).

4. Sumber Pendidikan Menurut Nursi

Nursi mengambil asas yang kukuh dalam membentuk idea pendidikannya. Bermula sumber pendidikan, matlamat dan hala tuju gagasan pemikiran beliau telah dijelaskan dengan teliti sekali. Dalam hal ini, Nursi menjadikan al-Quran sebagai sumber gagasan pendidikan beliau. Al-Quran sebagai mukjizat mempunyai kekuatan dan kehebatannya tersendiri. Firman Allah yang bermaksud:

Maksudnya: “Dan sekiranya segala pohon yang ada di bumi menjadi pena, dan segala lautan (menjadi tinta), dengan dibantu kepadanya tujuh lautan lagi sesudah itu, nescaya tidak akan habis kalimah-kalimah Allah itu ditulis. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.” (surah Luqman: 27).

Dalam menghuraikan ayat ini, Nursi menyatakan bahawa al-Quran adalah setinggi-tinggi makam daripada keseluruhan kalimah yang ada dan tidak ada yang boleh menandinginya. Dalam takrifan umum, Nursi menyatakan bahawa al-Quran adalah kalam Allah Pemilik Sekalian Alam, diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW, membacanya adalah ibadat, ditulis dalam mashaf-mashaf dan dipindahkan secara mutawatir (Farid al-Ansari, 2011: 1). Manakala dalam kitab *al-Kalimat*, Nursi menyatakan bahawa al-Quran adalah Kalam Allah SWT (Nursi, al-Kalimat, 2011: 144-145).

Untuk mentakrifkan al-Quran yang menjadi mukjizat terbesar ini, Nursi dengan kepakaran yang tinggi serta keintelektualan yang dianugerahkan Allah kepadanya telah menghuraikan takrif al-Quran lebih dari itu yakni dengan memasukkan unsur-unsur zauq (*al-zauqiyah*), petunjuk-petunjuk (*al-isyariyah*), menyentuh perasaan (*al-wujdaniyah*) dan mengajak semua untuk berfikir (*al-tafakkur*) (Farid al-Ansari: 3). Ini kerana, al-Quran itu sendiri mengandungi ilmu dan hikmah yang tidak terhitung banyaknya. Dengan segala kelebihan yang dimiliki oleh al-Quran, maka Nursi telah menjadikan al-Quran sebagai sumber kepada gagasan pendidikan yang diterajunya. Hal ini bertepatan dengan beberapa firman Allah SWT yang berbunyi:

Maksudnya: “Katakanlah (Wahai Muhammad): "Kalaullah semua jenis lautan menjadi tinta untuk menulis Kalimah-kalimah Tuhanku, sudah tentu akan habis kering lautan itu sebelum habis Kalimah-kalimah Tuhanku, Walaupun Kami tambah lagi Dengan lautan Yang sebanding dengannya, sebagai bantuan". (surah al-Kahfi: 109)

Dalam firman Allah yang lain:

Maksudnya: “Dan tidak seekor pun binatang yang melata di bumi, dan tidak seekor pun burung yang terbang dengan kedua sayapnya, melainkan mereka umat-umat seperti kamu. tiada Kami tinggalkan sesuatu pun di dalam kitab al-Quran ini; kemudian mereka semuanya akan dihimpunkan kepada Tuhan mereka (untuk dihisab dan menerima balasan).”(surah al-An‘am: 38).

Di dalam *al-Kalimat*, Nursi menyenaraikan 2 tugas al-Quran sekali gus menjadi intipati pendidikan manusia seluruhnya. Pertamanya tugas al-Quran untuk mengajarkan manusia segala hal ehwal Rububiyah Allah SWT dan segala kesempurnaannya. Manakala tugas yang keduanya ialah mengajarkan manusia berkaitan ubudiyah hamba kepada Allah SWT dan segala hal ehwalnya (Nursi, *al-Kalimat*, 2011: 292). Ini bermaksud, tugas pertama ialah mendidik manusia untuk mengenal Allah SWT (Makrifah Allah) dengan sebenar-benarnya merujuk kepada segala penciptaan Allah di alam ini melalui intipati *Asma' al-Husna*. Manakala tugas yang kedua untuk memastikan hamba menunaikan hak-hak rububiyah Allah berdasarkan mikraj al-Quran yang 4 iaitu dengan jalan kelemahan (*al-'ajzu*), jalan kefakiran (*al-faqr*), jalan kasih sayang (*al-syafaqah*) dan jalan tafakur (*al-tafakkur*) (Nursi, *al-Maktubat*, 2011: 564).

Jelaslah di sini bahawa Nursi hanya menfokuskan al-Quran sebagai sumber yang menggerakkan gagasan pendidikan beliau. Kekuatan al-Quran itu sendiri yang menjadi inspirasi untuk membentuk masyarakat yang lebih progresif serta kembali ke acuan Islam setelah Turki dikerumuni pemimpin-pemimpin toghut dan era pembaratan yang dahsyat.

5. Matlamat Pendidikan Akhlak

Proses pembentukan akhlak menurut Nursi mestilah dengan mendekati massa dan suasana yang ada pada masa itu dengan matlamat menyelamatkan iman dan menyebarluaskan kebaikan di dunia serta mencapai keredaan Allah di akhirat nanti. Secara praktiknya amalan akhlak itu sendiri dapat membentuk individu yang sanggup berhadapan dengan segala kerana manusia dan hasutan syaitan ('Abd al-Karim al-'Akiwi, 2011: 3). Oleh itu, kerja dakwah adalah intipati kesyumulan akhlak seseorang hamba. Pembinaan akhlak juga bukan untuk kebaikan diri semata-mata, akan tetapi lebih jauh dari itu iaitu untuk mengislahkan masyarakat ke arah kebaikan serta kemajuan dunia seluruhnya.

Abd al-Karim al-'Akiwi dalam tulisannya menyebutkan bahawa matlamat utama pendidikan akhlak menurut Nursi ialah untuk mencapai kenikmatan akhirat berdasarkan reda Allah SWT (*al-'Akiwi*: 4). Apabila keredaan Allah dicapai, maka akan menyusul matlamat-matlamat lain yang dapat membawa kebaikan hidup di dunia dan juga kebaikan di akhirat seperti memperoleh kecintaan Allah, menikmati kejernihan jiwa, ketulusan hati dan sebagainya. Al-'Akiwi menyenaraikan beberapa matlamat sampingan yang terhasil apabila amalan pendidikan akhlak itu dilaksanakan secara menyeluruh, antaranya:

a) Mencapai kecintaan Allah (*Mahabbah Allah*) dan kelazatan dunia yang hakiki.

Nursi berpendapat menikmati Mahabbah Allah tidak semestinya dengan menolak kelazatan dunia yang dianggap sebagai penghalang untuk menuju Allah. Bahkan kelazatan dunia itu adalah sebahagian daripada kelazatan akhirat. Dengan syarat kelazatan dunia itu hendaklah disusuli dengan zikir dan tafakur. Maksudnya zikir yang tulus mengingati Allah SWT dan tafakur terhadap segala nikmat dan ciptaanNya. Faedah akhirat dari zikir dan tafakur ini ialah dapat boleh melonjakkan hamba untuk sampai kepada kesempurnaan. Manakala faedah di dunia ialah dapat menghilangkan perasaan keji dan melunaskan sebahagian keperluan hamba (Nursi, *al-Maktubat*, 2011: 544-545). Kepentingan zikir dan tafakur dinyatakan oleh Nursi, apabila mengambil zikir tanpa tafakur akan menghalang menikmati kelazatan hidup dan nikmat dunia. Manakala dengan mengambil tafakur dan meninggalkan zikir kepada Allah boleh membawa kepada faham Atheis dan Zindik (*al'Akiwi*: 5).

Kelazatan dunia juga menjadi nikmat sekiranya segala tindak hamba seharian diolah menjadi ibadat. Ia menjadi sebahagian kelazatan beribadat dengan syarat sentiasa mengamalkan zikir di hati, pengamatan yang penuh di akal, sentiasa menghadirkan hati dan ketenangan serta niat yang murni (Nursi, *al-Maktubat*, 2011: 563). Namun, kelazatan dunia tidak akan berguna dan menjadi beban dan dukacita sekiranya nikmat itu tidak di balas dengan syukur ke hadrat Allah. Kenikmatan yang tidak disyukuri akan bertukar menjadi kekotoran, buruk dan keji disebabkan sangkaannya bahawa rezeki yang digunakan itu sebagai bahan-bahan buangan sahaja. Orang yang hanyut, asyik dan sesat dengan rezeki semata-mata tanpa menghiasinya dengan sifat syukur kepada Allah SWT seperti mewarisi sifat kehaiwanan (Nursi, *al-Maktubat*, 2011: 446).

Dalam situasi yang lain, Mahabbah Allah akan hadir apabila hamba bertafakur dan menghayati rahsia kejadian alam. Nursi sendiri, suatu malam yang hening di atas bukit Jamm, beliau memerhatikan ke arah langit yang indah dengan dihiasi bintang-bintang yang bergemerlapan. Sesungguhnya ia amat mendatangkan iktibar dan pengajaran kepada mereka yang menyaksikannya (Nursi, *al-Maktubat*, 2011: 18). Suasana mengasyikkan itu telah mengingatkan beliau kepada ayat Allah yang berbunyi:

Maksudnya: “Oleh itu, Aku bersumpah dengan bintang-bintang yang tenggelam timbul. yang beredar, juga yang tetap pada tempatnya.(surah al-Takwir: 15-16).

Melalui pengamatan beliau, setiap penciptaan baharu, pertukaran makhluk secara sistematik di pelosok barat dan timur, pertukaran malam dan siang, perubahan musim bunga dan panas, perubahan masa dan zaman adalah tanda bahawa semua alam ini dimiliki oleh Pencipta Yang Maha Agung iaitu Allah SWT dengan penuh bijaksana sekali (Nursi, al-Kalimat, 2011: 340).

b) Memajukan dunia dan bersedia menghadapi halangan

Dalam sejarah manusia, usaha untuk mewujudkan kebaikan dan keamanan pasti mendapat ujian dan rasa tidak puas hati dikalangan musuh-musuh Islam. Matlamat pendidikan menurut Nursi adalah untuk memakmurkan dunia ini sekali gus bersedai menghadapi segala halangan yang tiba. Beliau menolak golongan sufi yang menjadikan tarikat dan hakikat sebagai cara untuk mencapai dua tujuan mengikut zat keduanya. Apabila berlaku sedemikian, para salik akan menjadikan amalan syariat dan sunah Nabi SAW pada peringkat kedua mengikut keutamaan mereka. Maksudnya, mereka lebih banyak memikirkan tentang halaqah zikir daripada solat, banyak bergelumang dengan aurad-aurad sufi berbanding dengan kefarduan yang lain, mengelak berselisih pandangan tentang adab-adab tarikat berbanding menjauhi dosa-dosa besar (*al-kabair*) (Nursi, al-Maktubat, 2011: 556). Padahal, Nursi sendiri amat menyakini bahawa pendidikan akhlak yang berkesan akan menggalakkan seseorang untuk berusaha bersungguh-sungguh menyebarkan sebanyak mungkin kebaikan yang ada. Maka mediumnya mestilah secara berjamaah, bermasyarakat dan mengetahui hal ehwal kehidupannya (al-‘Akiwi: 9). Amat salah menganggap kerena manusia dan fitnah yang ada menjadi penghalang untuk terus berjuang di jalan Allah SWT.

c) Mencapai maqam *al-Una* (*berjinak-jinak*) dan maqam *al-Raqiyy* (pendakian maknawi)

Matlamat pendidikan menurut Nursi ialah untuk mencapai maqam *al-Una* (kejinakan) dan maqam *al-Raqiyy* (pendakian) secara maknawi. Maqam ini akan tercapai apabila hamba dapat mengikhlaskan diri dari kejahanan nafsu, menjauhi dari mementingkan diri, dapat bersatu pada perjalanan suluk dan menikmati *al-Una* secara maknawi di alam dunia dan juga alam barzakh. Untuk mencapainya, seseorang itu hendaklah menghindari diri dari segala bentuk keraguan (*al-awham*) dan yang menyerupai dengan nafsu (Nursi, al-Maktubat, 2011: 562). Begitu juga pendakian menuju Allah hendaklah melalui jalan pengawalan nafsu dan mempunyai kekuatan untuk melawannya. Apabila makam keimanan meningkat, maka akan lahir kelazatan dan kekuatan diri dalam menghadapi ujian di dunia (al-‘Akiwi: 9).

Untuk mencapai maqam *al-Raqiyy*, Nursi mengambil pengajaran daripada sirah Rasulullah SAW dalam peristiwa mikraj baginda menuju Allah yang mana diperlihatkan secara ‘ain *al-yaqin* hakikat keimanan, dimasukkan ke syurga dan menyaksikan kebahagiaan abadi. Oleh itu, menjadi pengajaran kepada wali-wali Allah menekuni mikraj ini untuk sampai kepada hakikat keimanan berpandukan kepada darjah masing-masing (Nursi, al-Maktubat, 2011: 373). Namun, mikraj yang dilalui itu tidaklah menyerupai seperti mana mikraj Baginda SAW. Ini kerana, mikraj Nabi berlaku secara zahir (*al-madi*) dan maknawi (batin). Manakala mikraj wali-wali Allah hanyalah berlaku secara maknawi sahaja (al-‘Akiwi: 10). Akhirnya, melalui pendakian iman dan usaha memertabatkan syariat pada kedudukannya yang tertinggi dan keluar dari kelazatan dunia kepada kebahagiaan abadi bahkan dimasukkan ke syurga Allah SWT (Nursi, al-Maktubat, 2011: 563).

d) Membebaskan penyakit hati dan kekacauan nafsu

Matlamat pendidikan menurut Nursi bukan sekadar menjaga anggota luaran dalam proses pendidikan akhlak, bahkan juga menjaga anggota dalaman hamba yang menjadi sumber kesuburan iman. Hati dan nafsu berperanan mengawal tingkah laku seseorang. Maka perlunya penjagaan hati dan pengawalan nafsu yang seimbang agar tidak membawa kepada kemudarat. Apabila kedua-duanya rosak, maka akanlah tingkah laku yang bertentangan dengan kehendak agama. Namun, nafsu mempunyai sifatnya yang tersendiri yang cenderung kepada kejahanan dan kealpaan. Dalam hal ini, Allah SWT berfirman:

Maksudnya: “Dihiaskan (dan dijadikan indah) kepada manusia: kesukaan kepada benda-benda yang diingini nafsu, Iaitu perempuan-perempuan dan anak-pinak; harta benda yang banyak bertimbun-timbun, dari emas dan perak; kuda peliharaan Yang bertanda lagi terlatih; dan binatang-binatang ternak serta kebun-kebun tanaman. semuanya itu ialah kesenangan hidup di

dunia. dan (ingatlah), pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (iaitu Syurga). ”(surah Ali Imran:14).

Oleh sebab itu, Nursi amat terperinci menghuraikan tentang hati dan nafsu. Menurut beliau, permusuhan yang berlaku dikalangan manusia kini disebabkan kealpaan manusia tentang hakikat nafsu dan sifat-sifatnya serta gagal untuk mendidik, menjaga dan menyucikannya (al-'Akiwi: 11). Apabila tipu daya dan keegoan mendiami dalam diri, maka akan berlakulah perbalahan dan perselisihan menggantikan permuafakatan dan kasih sayang serta tiada keikhlasan (Nursi, al-Lum'at: 207).

Justeru itu, matlamat pendidikan akhlak menurut Nursi antaranya ialah untuk mengawal nafsu yang cuba mempengaruhi kesucian hati yang kesannya akan mengakibatkan was-was dalam keimanan dan ibadat serta kacau bilau dalam masyarakat.

e) Keselamatan akal dan kesejahteraan ilmu

Akal dan hati berperanan untuk mencapai tujuan pendidikan. Gandingan akal yang sihat dan hati yang sejahtera akan menjadikan proses pendidikan itu menjadi lebih sempurna. Ini kerana, hati yang sakit akan memberi kesan kepada proses penerimaan ilmu oleh akal. Dalam pada itu, hati yang sakit akan hilang pertimbangan dan sentiasa menyebelahi nafsu. Firman Allah SWT:

Maksudnya: “Kemudian, kalau mereka tidak dapat menerima cabaranmu (Wahai Muhammad), maka ketahuilah, sesungguhnya mereka hanyalah menurut hawa nafsu mereka; dan tidak ada yang lebih sesat daripada orang yang menurut hawa nafsunya dengan tidak berdasarkan hidayah petunjuk dari Allah. Sesungguhnya Allah tidak memberi pimpinan kepada kaum yang zalim (yang berdegil dalam keingkarnya).”(surah al-Qasas: 50).

Bagi Nursi, penyeleweng yang berlaku pada zaman ini, walaupun telah wujud ilmu kebendaan dan keinsanan ialah kegagalan untuk menghimpunkan unsur hati dan akal dalam amalan pendidikan yang sedia ada. Manusia lupa untuk menyuburkan akal dengan pengisian ilmu yang pelbagai dan penyuburan hati dengan pendidikan dan latihan akhlak (al-'Akiwi: 11-12). Oleh itu, ketinggian ilmu semata-mata tidak akan sampai kepada kemuncak keimanan. Namun, ia perlu disokong dengan dengan *lataif al-jism* yang lain seperti ruh, hati, sirr (rahsia-rahsia) dan nafsu. Sekiranya semua itu tidak diadun dengan baik, nescaya ia akan dibayangi oleh *lataif* yang jahat (Nursi, al-Maktubat, 2011: 399). Hati diibaratkan markaz kepada seluruh anggota badan, inti pati segala pergerakan juga alat *tawajjuh* (konsentrasi) kepada Allah SWT. Ia hendaklah diisi dengan latifah keinsanan yang mampu menzahirkan hakikat keinsanan yang sebenar (Nursi, al-Maktubat, 2011: 562).

Akhirnya, matlamat pendidikan ini telah mengambil kira keperluan rohani dan jasmani manusia itu sendiri. Akal dan hati berperanan mengukuhkan lagi keimanan hamba. Namun proses penyucian hati dan pengisian akal hendaklah sentiasa diusahakan agar akal dan hati bergerak seiring dengan tuntutan agama dan fitrah kemanusiaan.

6. Idea Pembaharuan Terhadap Sistem Pendidikan

Untuk menjadi sebuah masyarakat yang maju seperti Barat, maka hendaklah dimulai dengan membentuk sistem pendidikan yang sepadu iaitu pengabungan ilmu dunia dan juga ilmu akhirat dan bukan hanya ilmu akhirat sahaja. Sebagai pendekatan baharu, ilmu agama dan ilmu sains hendaklah disatukan (Muaz, 2012: 292-293). Bahkan, umat Islam perlu menguasai kedua-dua cabang ilmu tersebut demi kelangsungan (survival) di masa hadapan (Mohamad Zaidin, 2001: 20-21). Oleh itu, umat Islam mestilah menceburi dan mengkaji ilmu sains moden seperti mana yang berlaku kepada masyarakat Barat. Doktrin bahawa ilmu sains adalah sesat dan berlawanan dengan Islam adalah tidak tepat. Nursi dengan tegas menempelak golongan tarikat yang sempit, ahli Kalam dan ulama fekah yang hanya berpegang dengan kitab-kitab turath semata-mata dan tidak ikhlas, tidak sanggup berjuang dan berkorban. Mereka menjadi sanjungan kaum munafik serta terikat dengan mainan politik dan ahwal kemasyarakatan yang telah dikengkang oleh pemerintah yang menyeleweng. Bahkan lebih teruk lagi syiar-syiar Islam diletakkan di bawah telunjuk ideologi asing yang diimport oleh pemerintah (Nursi, al-Malahiq, 2010: 135). Beliau berpandangan bahawa kelemahan inilah yang menjadikan umat Islam makin mundur dan mandul dalam penguasaan ilmu sains moden.

Untuk itu, proses pendidikan ini hendaklah bermula di sekolah rendah, menengah dan juga pusat-pusat pengajian tinggi. Silibus hendaklah dipinda berdasarkan hala tuju yang jelas agar ia menepati situasi zaman dan keperluan umat Islam semasa. Oleh sebab itu, keperluan zaman diutamakan dalam pengajaran walaupun berhadapan dengan perselisihan pendapat semata-mata mencari hakikat kebenaran. Namun, ikhtilaf itu hendaklah berlaku tanpa

kepentingan peribadi, nafsu syahwat dan sebagainya bagi mengelak dari fitnah yang lebih dahsyat (Nursi, al-Maktubat, 2011: 327).

Penekanan terhadap silibus dan sukanan pelajaran juga diambil berat dalam proses pembaharuan ini. Nursi menjadikan Risalah al-Nur sebagai mata pelajaran utama atau asas terhadap silibus yang akan dirangka selain sumber-sumber yang lain. Ini kerana, Risalah al-Nur terangkum dalamnya berbagai-bagai jenis ilmu, baik dunia mahu pun akhirat. Dengan kata lain, penekanan terhadap Risalah al-Nur sebenarnya mengarah kepada pelajar untuk menanam sifat-sifat edukatif (mendidik) dan isi kandungannya pula lebih bersifat pembentukan keperibadian Muslim sejati.

Dari segi bahasa, Nursi mencadangkan agar meletakkan 3 bahasa utama namun dalam situasi yang berbeza. Bahasa pengantar itu iaitu bahasa arab “diwajibkan”, bahasa Kurdi “diperintahkan” dan bahasa Turki “diharuskan”. Dengan maksud bahasa arab diwajibkan disebabkan bahasa ilmu dan al-Quran, manakala bahasa Kurdi dan Turki diharuskan sebagai bahasa yang perlu diperkasakan. Begitu juga dengan pengambilan guru pun mestilah mereka yang berpendidikan dari bangsa Kurdi atau pun yang mahir berbahasa Turki. Menampakkan di sini bahawa Nursi ingin mendaulatkan al-Quran dan bahasa arab selain usaha untuk mengangkat kembali keunggulan umat Islam Turki khususnya (Muaz: 295-296).

PENUTUP

Sesungguhnya Nursi adalah antara bintang yang menyinar ketika mana dunia Islam sedang diasak hebat oleh kuasa imperialis Barat. Dalam suasana ketidakupayaan umat Islam untuk melawan musuh, Nursi bangkit dengan membawa penawar yang amat berharga sekali iaitu al-Quran. Melalui karya utamanya tafsir Risalah al-Nur sebenarnya sudah cukup untuk mengubati penyakit umat Islam seluruhnya seterusnya kembali memimpin dunia. Pengaruh daripada perjuangan murni itu lahirlah gerakan-gerakan Islam yang bersifat politik seperti politikus Islam Najmuddin Erbakan, pengasas parti AKP di Turki, tokoh pendidikan umat Islam seluruh dunia Fethullah Gulen atau pun juga pemikir Islam ternama Harun Yahya juga dipengaruhi oleh idea-idea pembaharuan dan pendekatan Badiuzzaman Said Nursi. Malah di Malaysia pun telah wujud halaqah-halaqah dan juga kelas-kelas pengajian kitab Risalah al-Nur secara persendirian seperti di Bangi, Ampang dan sebagainya. Pemikiran Nursi khususnya dalam pendidikan amat sesuai untuk dinilai bagi memenuhi keperluannya di Malaysia juga sebagai salah satu jalan keluar terhadap isu-isu pendidikan yang berlaku.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

Abd al-Karim al-'Akiwi (2011). “al-Maqasid al-'Amaliyah li al-Tarbiyah al-Sulukiyah ‘Inda Badi’ al-Zaman al-Nursi”, dalam al-Nur li al-Dirasat al-Hadariyah wa al-Fikriyah, thn. 2, Julai 2011, bil. 4, Asas al-Tarbiyah fi Rasail al-Nur. Di ambil dari www.nurmajalla.com.

Abdul Latip Talib (2012). *Badiuzzaman Said Nursi Pejuang Dan Pemikir Islam Turki*, Selangor: PTS Litera Utama Sdn. Bhd.

Afriantoni Al Imran (2007). *Prinsip-prinsip Pendidikan Akhlak Generasi Muda Menurut Bediuzzaman Said Nursi*, Tesis Sarjana IAIN Raden Fatah Palembang, Indonesia.

al-Munjid fi al-Lughah wa al-I'lam (2005). Tab'ah Jadid, Dar al-Masyriq: Beirut.

Colin Turner and Hasan Horkuk (2009). *Said Nursi*, I.B Taurus: London.

Encyclopedia of Islamic Civilization and Religion (2008). (ed.) Ian Richard Netton, Routledge Taylor And Francis Group: London & New York.

Farid al-Ansari (2011). “al-Quran al-'Azim Masdar li al-Tarbiyah al-Sulukiyah ‘Inda Badi’ al-Zaman al-Nursi”, dalam al-Nur li al-Dirasat al-Hadariyah wa al-Fikriyah, thn. 2, Januari 2011, bil. 3, Asas Tarbiyah fi Rasail Nur. Di ambil dari www.nurmajalla.com.

The 9th Regional Symposium of The Malay Archipelago 2012 (SIMPOSIUM NUSANTARA 9 2012)
11-12 Disember 2012, Perak, MALAYSIA

Hasan Horkuc (2004), *Said Nursi's Ideal for Human Society: Moral and Social Reform in the Risale-i Nur*, Tesis PhD, University Durham, UK.

Ian S. Markham & Suendam Birinci (2011). *An Introduction to Said Nursi Life, Thought an Writing*, Ashgate Publishing Limited: England.

Ihsan Qasim al-Salihi (2003). *Said Nursi: Pemikir Besar Abad ke 20*, terj. Nabilah Lubis, Penerbit PT RajaGrafindo: Jakarta.

Mohamad Zaidin Mat (2001). *Bediuzzaman Said Nursi Sejarah Pemikiran Dan Perjuangan*, Malita Jaya: Selangor.

Mu'jam al-Wasit(1972). Juz 1, t.p: Kaherah.

Muaz Mohd Nor (2012). "Tajdid Dalam Pendidikan: Satu Kajian Terhadap Pemikiran Badiuzzaman said Nursi Berdasarkan Kitab Rasail an-Nur", dlm. Yusmini Md Yusuff et al., eds. *Tranformasi Penyelidikan Dalam Bidang Pengajaran Islam- Prosiding Seminar*, Kuala Lumpur: APIUM.

Muhammad Qandil (2011). "Manhaj al-Tarbiyah 'Ind al-Nursi" dalam Nur li al-Dirasat al-Hadariyah wa al-Fikriyah, thn. 2, Julai 2011, bil. 4. Asas al-Tarbiyah fi Rasail al-Nur. Diambil dari www.nurmajalla.com.

Muhammad Zahid al-Mullazkirdi (1983). *al-'Ujjalah al-Muqtatifah min Aqlam al-Afadil al-'Ulama'* wa *al-Dakatirah fi Hayat al-Imam al-Jalil al-Ustaz Badi' al-Zaman Sa'id al-Nursi*, Beirut: Dar al-Afaq al-Jadidah.

Sarwat Saulat (1981). *Said Nursi*, International Islamic Publishers: Karachi.

Sukran Vahide (1992). *Bediuzzaman Said Nursi The Author of the Risale-i Nur*, Sozler Publication: Turki.

Said Nursi, Bediuzzaman (2011). *al-Maktubat*, terj. Ihsan Qasim al-Salihi, Kaherah: Dar al-Nayl li al-Tiba'ah wa al-Nasyr.

_____ (2007). *al-Lum'aat*, terj. Ihsan Qasim al-Salihi, Kaherah: Dar al-Nayl li al-Tiba'ah wa al-Nasyr.

_____ (2009). *al-Syu'a'at*, terj. Ihsan Qasim al-Salihi, Kaherah: Dar al-Nayl li al-Tiba'ah wa al-Nasyr.

_____ (2010). *al-Malahiq*, terj. Ihsan Qasim al-Salihi, Kaherah: Dar al-Nayl li al-Tiba'ah wa al-Nasyr.

_____ (2010). *Saiq al-Islam*, terj. Ihsan Qasim al-Salihi, Kaherah: Dar al-Nayl li al-Tiba'ah wa al-Nasyr.

_____ (2011). *al-Kalimat*, terj. Ihsan Qasim al-Salihi, Kaherah: Dar al-Nayl li al-Tiba'ah wa al-Nasyr.